



PENGANJURAN BENGKEL LATIHAN KHAS PENYELAMATAN DAN PENCEGAHAN KELEMASAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2018



Majlis Keselamatan Aktivit Air (MKAA), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Bengkel Latihan Khas Penyelamatan dan Pencegahan Kelemasan Peringkat 2018 pada 31 Julai 2018 bertempat di NIOSH, Bangi . Bengkel ini dianjurkan dengan kerjasama Life Saving Society Malaysia (LSSM), Royal Life Saving Society Commonwealth (RLSS) dan National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH).

Penganjuran bengkel peringkat kebangsaan ini pertama kali diadakan di Malaysia dan turut dikendalikan oleh pakar-pakar antarabangsa dalam komuniti penyelamatan dan pencegahan kelemasan di peringkat global. Antara pengisian bengkel termasuk ialah perkongsian pengalaman dan pendedahan ilmu dalam aspek teknikal serta amalan terbaik negara luar dalam pengumpulan data, penilaian kawasan berisiko dan pelaksanaan penggunaan papan tanda keselamatan di air oleh badan-badan dan golongan profesional yang berkaitan.

Berdasarkan statistik aduan yang diterima oleh pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, ia menunjukkan peningkatan kematian akibat lemas iaitu bagi tahun 2016, sebanyak 260 kes direkodkan, 327 kes pada tahun 2017 dan pada 2018 (sehingga Jun 2018) 186 kes direkodkan. Manakala jumlah kematian akibat lemas adalah dianggarkan kira-kira 700 kes setahun mengikut Jabatan Perangkaan dan pihak Pasukan Polis DiRaja Malaysia (PRDM).

MKAA adalah badan yang bertanggungjawab mengurangkan kejadian insiden lemas dan penanjuran bengkel ini melibatkan kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, badan bukan kerajaan dan pihak swasta.

Matlamat pelaksanaan bengkel ini adalah untuk mewujudkan sebuah pengkalan data kebangsaan mengenai insiden lemas, lebih ramai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) meletakkan papan tanda menggunakan standard ISO. Fokus utama penganjuran bengkel ini adalah untuk:

- Membangunkan strategi pencegahan kelemasan (papan tanda keselamatan, penyelamatan dan pengurusan risiko);
- Menganalisis dan menilai program-program pencegahan kelemasan yang efektif untuk dilaksanakan di Malaysia; dan
- Mengenalpasti kaedah terbaik bagi tujuan penubuhan pusat pengumpulan data bagi tujuan penyelidikan dan penilaian bersama



Sumber: Unit Komunikasi Korporat